

**DASAR KESELAMATAN MAKANAN DI SABAH, MALAYSIA:
KAJIAN KES JELAPANG PADI DI DAERAH KOTA BELUD
FOOD SECURITY POLICY IN SABAH, MALAYSIA:
A CASE STUDY OF PADDY FIELD IN KOTA BELUD DISTRICT**

SITI HADAWIAH TAHIR¹ MUSTAPA ABD TALIP²

^{1&2}Program Geografi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
88400 Universiti Malaysia Sabah

¹sitihadawiahtahir@gmail.com

Tarikh dihantar: 14 Januari 2020 / Tarikh diterima: 23 Mac 2020

ABSTRAK Krisis bekalan makanan yang berlaku pada tahun 2008 telah memberi impak yang sangat besar kepada isu keselamatan makanan. Krisis bekalan makanan yang melanda kebanyakan negara Asia telah merungkai permasalahan akibat kebergantungan yang tinggi terhadap beras import sebagai makanan ruji penduduk. Kenaikan harga dan kekurangan beras dalam perdagangan antarabangsa telah menjadi tumpuan kerajaan untuk memastikan jaminan terhadap bekalan makanan. Oleh itu, matlamat kajian ini adalah memfokuskan dasar kerajaan dalam membangunkan industri padi dan beras khususnya kawasan jelapang padi di daerah Kota Belud. Ekoran kenaikan harga beras dalam perdagangan antarabangsa, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia telah mengkategorikan sawah padi kepada tiga kategori iaitu K1, K2, dan K3 untuk mencari jalan penyelesaian dalam mengurangkan kebergantungan terhadap beras import. Berdasarkan matlamat dan peruntukan bagi pembangunan pertanian padi di daerah Kota Belud, hasil pengeluaran padi bagi kawasan jelapang padi dapat ditingkatkan bermula tahun 2008 hingga 2018. Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa peranan kerajaan amat penting dalam menjamin keselamatan makanan sekali gus mengatasi kebergantungan import beras negara.

Kata kunci: Krisis bekalan makanan, dasar kerajaan, keselamatan makanan, padi, beras, Kota Belud.

ABSTRACT Food crisis that occurred in 2008 had a huge impact on food security issues. The food crisis that has plagued many Asian countries has raised concerns over high dependence on imported rice, a staple food for people. The price increases and rice deficiency in the international trade has forced the government to focus in ensuring food security. Therefore, the aim of this study is focusing on government's policy on developing rice industry

especially in Kota Belud district paddy field area. Due to rising of rice prices in international trade, Malaysia Ministry of Agriculture and Agro-based Industry, has categorized paddy field into three categories namely K1, K2 and K3 to find a solution to reduce the dependence on imported rice. Based on the goals and provisions for paddy field development in Kota Belud, production of rice can be upgraded from 2008 to 2018. The findings also show that the role of government is important in ensuring food security while at the same time overcoming the dependence on the country's rice imports.

Keywords: *Food crisis, government policy, food security, paddy, rice, Kota Belud.*

PENGENALAN

Keselamatan makanan merupakan satu konsep yang memberi penekanan terhadap keupayaan negara untuk menyediakan bekalan makanan yang mencukupi, berkhasiat dan berterusan untuk memenuhi keperluan diet pemakanan setiap isi rumah dan individu tanpa sebarang halangan (Ahmad Zubir & Chamhuri, 2012). Pada tahun 1990, Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) melalui World Food Summit (WFS) mendefinisikan,

“Keselamatan Makanan wujud apabila semua orang pada bila-bila masa mempunyai akses fizikal dan ekonomi untuk memperoleh makanan yang berkhasiat untuk memenuhi keperluan makanan untuk kehidupan yang aktif dan sihat” (FAO, 2008a).

Krisis bekalan makanan yang melanda dunia pada tahun 1980 telah mengejutkan dunia apabila kenaikan harga makanan meningkat secara mendadak dalam pasaran antarabangsa. Kenaikan harga makanan yang merangkumi makanan ruji penduduk di seluruh dunia, iaitu bijirin, gandum, jagung dan beras, telah memberi kesan kepada keselamatan penduduk di negara-negara sedang membangun dan negara mundur akibat kekurangan bekalan makanan. Krisis bekalan makanan sekali lagi melanda dunia pada tahun 2008 akibat kenaikan harga makanan dalam pasaran antarabangsa (Clapp & Cohen, 2009). Pada tahun 2008, kemerosotan nilai mata wang dolar Amerika (USD) telah mendorong kenaikan harga komoditi makanan

ruji penduduk. Harga beras pada ketika itu meningkat sebanyak 111 peratus berbanding pada tahun-tahun sebelumnya (Radin Firdaus *et al.*, 2015).

Krisis bekalan makanan yang melanda dunia pada tahun 2008 membuatkan sektor pertanian menjadi fokus utama dalam dasar-dasar kerajaan di negara Asia bagi mengukuhkan jaminan terhadap keselamatan makanan (Radin Firdaus *et al.*, 2015). Di Malaysia, pembangunan sektor pertanian menjadi fokus dalam dasar kerajaan untuk meningkatkan hasil pengeluaran makanan bagi memenuhi keperluan makanan penduduk dan mengurangkan kebergantungan terhadap import bekalan makanan dari negara luar. Bagi menangani krisis bekalan makanan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah diberikan tanggungjawab bagi memastikan agenda dasar keselamatan makanan mendapat tumpuan dalam peruntukan bajet negara.

Menyedari bahawa padi merupakan tanaman strategik, kerajaan persekutuan dan negeri telah memperuntukkan perbelanjaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, iaitu bajet dalam negeri tahun 2017 hingga 2019 untuk membangunkan jelapang padi daerah Kota Belud (Salmah Labullah, 3 Januari 2019). Tindakan kerajaan memperuntukkan perbelanjaan untuk membangunkan jelapang padi daerah Kota Belud menunjukkan kerajaan sangat komited terhadap pembangunan sektor pertanian padi bagi memastikan kecukupan bekalan beras untuk menampung pertumbuhan penduduk yang semakin meningkat pada masa akan datang.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu kaedah analisis dokumen dan temu bual semi berstruktur. Teknik analisis dokumen dan temu bual semi berstruktur digunakan untuk mencapai matlamat kajian, iaitu dengan mengenal pasti dan meneliti dasar-dasar kerajaan terhadap pembangunan jelapang padi di daerah Kota Belud.

Analisis Dokumen

Analisis dokumen merupakan salah satu kaedah yang digunakan dalam penyelidikan ini. Ia merupakan pecahan daripada analisis kandungan yang digunakan untuk menghuraikan mesej yang disampaikan melalui percetakan, penyiaran atau penggambaran (Kamarul, 2012; Sabitha, 2005). Oleh itu, kajian ini menggunakan analisis dokumen untuk mengkaji peranan kerajaan dalam menjamin keselamatan makanan yang difokuskan dalam pembangunan jelapang padi di daerah Kota Belud. Terdapat beberapa dokumen yang terlibat dianalisis dalam penyelidikan ini, iaitu:

1. Dasar Agromakanan.
2. Ucapan Bajet Negeri Sabah 2017 oleh Y.A.B Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman.
3. Ucapan Bajet Negeri Sabah 2018 oleh Y.A.B Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman.
4. Ucapan Bajet Negeri Sabah 2019 oleh Y.A.B Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal.

Temu bual

Kajian ini juga menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan data primer. Temu bual semi berstruktur dijalankan untuk mendapatkan maklumat daripada responden secara lisan tentang sesuatu fenomena. Semasa kerja lapangan dijalankan, kaedah temu bual dilakukan bersama Pengarah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kota Belud, Pegawai Pertanian IADA Kota Belud dan petani yang terdiri daripada pesawah jelapang padi daerah ini.

KAJIAN LEPAS

Isu Keselamatan Makanan dan Dasar Kerajaan

Beras merupakan salah satu bekalan makanan yang diberi keutamaan dalam keselamatan makanan. Hal ini disebabkan, seluruh penduduk di Asia

termasuk Malaysia menjadikan beras sebagai makanan ruji penduduk. Walau bagaimanapun, krisis bekalan makanan yang melanda dunia pada tahun 2008 telah merungkaikan permasalahan bahawa ketidakstabilan harga beras telah memberi kesan kepada keselamatan makanan akibat kebergantungan yang tinggi terhadap beras import (Radin Firdaus *et al.*, 2015).

Pertambahan penduduk yang dijangka meningkat 1.6 peratus pada tahun 2020 akan mempengaruhi peningkatan penggunaan beras daripada 2.30 juta tan metrik pada tahun 2010 kepada 2.69 juta tan metrik pada tahun 2020. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA), jumlah pengeluaran beras Malaysia pada tahun 2018 adalah sebanyak 1,700,000 tan metrik (MOA, 2018a). Walau bagaimanapun, hasil pengeluaran beras Malaysia masih belum cukup untuk menampung keperluan penduduk kerana Malaysia masih mengimport sebanyak 776,000 tan metrik beras daripada negara pengeluar beras di Asia (Sarena *et al.*, 2019). Keadaan ini menunjukkan bahawa Malaysia masih bergantung kepada beras import untuk memenuhi keperluan dalam negara.

Isu jaminan bekalan makanan merupakan isu yang sangat membimbangkan dunia, iaitu bagaimana bekalan makanan dunia dapat menampung keperluan penduduk yang akan meningkat kepada 60 peratus pada 30 tahun akan datang. Kebimbangan terhadap kecukupan bekalan makanan ini menyebabkan isu jaminan bekalan makanan menjadi isu yang hangat diperdebatkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa oleh pihak kerajaan, bukan kerajaan, para penyelidik dan usahawan untuk memastikan kecukupan bekalan makanan (Romatia & Norshamliza, 2018). Bakri *et al.* (2013) menjelaskan bahawa isu krisis makanan merupakan isu kritikal dan perlu diberi perhatian kerana dikategorikan sebagai salah satu ancaman terhadap keselamatan insan.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melaksanakan Dasar Pertanian Negara Pertama (DPN1) bagi tahun 1984 hingga tahun 1991. Dasar Pertanian Negara Pertama ini bertujuan membangunkan sektor pertanian dengan menekankan pembangunan pertanian berteraskan komoditi eksport. Langkah ini selari dengan usaha mengurangkan kemiskinan luar bandar dan memaksimumkan pendapatan petani dan nelayan melalui

penggunaan sumber secara optimum. Kemudian, Dasar Pertanian Negara Kedua (DPN2) telah dilaksanakan pada tahun 1992 hingga 1997 untuk memberi fokus kepada usaha peningkatan produktiviti, kecekapan dan daya saing, pembangunan pertanian mapan serta peningkatan aktiviti pemprosesan asas tani (MOA, 2011).

Namun, krisis kewangan dan kemerosotan ekonomi yang melanda negara Asia pada tahun 1997 menyebabkan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) telah digubal untuk mengatasi kelemahan yang terdapat dalam Dasar Pertanian Negara Kedua. Dasar Pertanian Negara Ketiga ini digubal dengan memberi tumpuan kepada peningkatan daya saing sektor pertanian, pelaksanaan inisiatif jaminan makanan, pembangunan sumber pertumbuhan baharu dan peningkatan penyertaan sektor swasta bagi tempoh 1998 hingga 2010. Pelaksanaan Dasar Pertanian Negara Ketiga ini menghadapi cabaran terbesar, iaitu kenaikan harga beras dan kekurangan beras di peringkat global (Mohd Borhanuddin *et al.*, 2017).

Susulan krisis bekalan makanan yang melanda dunia pada tahun 2008, seluruh dunia mulai prihatin terhadap jaminan keselamatan makanan selepas Persidangan Jawatankuasa Keselamatan Makanan Dunia ke-33 (FAO, 2008b). Di Malaysia, pembangunan sektor pertanian menjadi fokus utama dalam dasar kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan makanan. Ekoran daripada kenaikan harga beras dalam pasaran antarabangsa pada tahun 2008, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengambil tindakan segera dengan meluluskan program Dasar Jaminan Bekalan Makanan Nasional pada 2 Mei 2008 bagi tempoh 2008 hingga 2010. Dasar ini menggariskan langkah jangka masa pendek dan jangka masa panjang bagi meningkatkan produktiviti sektor agromakanan termasuk meningkatkan pengeluaran beras (MOA, 2011).

Kemudian, Dasar Agromakanan Negara telah dilaksanakan pada tahun 2011 hingga tahun 2020 bagi menggantikan Dasar Pertanian Negara Ketiga. Penggubalan dasar ini memberi fokus terhadap pembangunan komoditi makanan yang menjurus kepada pencapaian jaminan bekalan makanan serta meningkatkan aktiviti pemprosesan dan pendapatan eksport pertanian bernilai tinggi. Dalam konteks jaminan bekalan beras, Dasar Agromakanan Negara

2011– 2020 memberi fokus untuk mengukuhkan industri padi dan beras negara melalui peningkatan produktiviti, pengurusan stok penimbunan yang cekap dan pengukuhan institusi yang berkaitan (MOA, 2011).


Di Sabah, kerajaan mengekalkan kawasan penanaman padi seluas 33,530 hektar dengan purata hasil pengeluaran 4.20 tan metrik per hektar dengan jumlah kelulusan peruntukan sebanyak RM 17,200,000,00. Perbelanjaan ini digunakan untuk memberi bantuan pembajakan sawah padi dan penggunaan varieti benih bermutu serta pemulihan tanah sawah terbiar di daerah Kota Belud, Kimanis dan Tenom (Jabatan Pertanian Negeri Sabah, 2017). Usaha ini bertujuan menyokong pembangunan jelapang padi di Sabah, sekali gus menjamin keselamatan makanan melalui peningkatan hasil pengeluaran beras tempatan.

DAPATAN KAJIAN

Dasar Kerajaan terhadap Pembangunan Jelapang Padi Kota Belud, Sabah

Daerah Kota Belud mempunyai keluasan kawasan tanah pamah seluas 1,385.6 km persegi dan merupakan salah satu jelapang padi Malaysia yang telah diisytiharkan dalam Rancangan Malaysia ke-9 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Berdasarkan kesesuaian tanah untuk tanaman padi, keluasan fizikal sawah padi daerah Kota Belud ialah 8,502 hektar dan merupakan kawasan tanah sawah padi terbesar di negeri Sabah. Potensi pembangunan pertanian padi sawah di daerah ini telah mendorong Kerajaan Malaysia khususnya Kerajaan Negeri Sabah untuk memberi keutamaan terhadap pembangunan sektor pertanian padi di daerah ini bagi mencapai hala tuju strategik yang digariskan dalam usaha mencapai matlamat Dasar Agromakanan. Strategi ini bertujuan memastikan keselamatan makanan melalui peningkatan hasil pengeluaran padi dan beras di daerah ini terjamin. Antara strategi yang dilakukan oleh Kementerian Industri Asas Tani untuk mencari penyelesaian dalam mengurangkan kadar kebergantungan terhadap import beras adalah mengkategorikan tanah sawah padi kepada tiga kategori, iaitu Kategori Satu, Kategori Dua dan Kategori Tiga seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Kategori Satu (K1) merupakan kawasan sawah padi yang mempunyai kemudahan pengairan dan saluran yang baik serta mampu menjalankan penanaman dua kali dalam setahun. Kawasan ini berpotensi untuk tanaman hasil padi sebanyak 5.0–10.0 mtan/hektar dan mempunyai keluasan fizikal 3,929 hektar. Kategori Dua (K2) pula merupakan kawasan sawah padi yang mempunyai kemudahan pengairan dan saluran tetapi kurang memuaskan. Kawasan ini berpotensi untuk tanaman hasil padi sebanyak 2.6–5.0 mtan/hektar dan mempunyai keluasan fizikal 2,135 hektar. Kawasan ini juga berpotensi untuk penanaman dua kali setahun sekiranya mendapat infrastruktur pengairan yang lengkap dan efisien, manakala Kategori Tiga (K3) merupakan kawasan yang hanya bergantung kepada musim hujan sahaja untuk mendapatkan sumber air. Pergantungan terhadap musim hujan menyebabkan kawasan ini hanya berpotensi untuk tanaman hasil padi sebanyak 0.5–2.5 mtan/hektar (Janie *et al.*, 2017).



Rajah 1 Peta taburan tanah sawah padi di daerah Kota Belud

Jadual 1 Kategori sawah padi

Kategori	Pengairan	Potensi Hasil Pengeluaran (mtan/hektar)	Potensi Tanaman Setahun	Keluasan (Hektar)
Kategori Satu (K1)	Mempunyai kemudahan pengairan dan saluran yang baik	5.0–10.0	2 Kali	3 929
Kategori Dua (K2)	Mempunyai kemudahan pengairan dan saluran tetapi kurang memuaskan	2.6–5.0	2 Kali sekali	2 135
Kategori Tiga (K3)	Menggunakan air hujan	0.5-2.5	Sekali	2 438

Sumber: Janie *et al.* (2017)

Pencapaian matlamat meningkatkan hasil pengeluaran padi ini dapat dilihat melalui peningkatan hasil pengeluaran padi dan beras negeri Sabah. Hasil pengeluaran padi pada tahun 2008 ialah 133,135 tan metrik meningkat kepada 265 00 tan/metrik pada tahun 2018. Berdasarkan purata hasil pengeluaran padi dan beras dalam tempoh tersebut, hasil pengeluaran beras turut meningkat dari tahun 2008, iaitu 83 875 tan/metrik pada tahun 2008 ke 166,950 tan/metrik pada tahun 2018. Peningkatan hasil pengeluaran padi dan beras turut didorong oleh peningkatan keluasan bertanam, iaitu peningkatan keluasan sebanyak 5 peratus dari tahun 2008 hingga tahun 2018 turut meningkatkan hasil pengeluaran padi dan beras sebanyak 7 peratus. Peningkatan hasil pengeluaran padi dan beras di Sabah ini menunjukkan kerajaan begitu komited dalam memastikan bekalan makanan terjamin. Jadual 2 menunjukkan purata hasil pengeluaran padi dan beras negeri Sabah bagi tahun 2008-2018.

Jadual 2 Purata hasil pengeluaran padi dan beras negeri Sabah bagi tahun 2008–2018

Tahun	Keluasan	Pengeluaran Padi	Pengeluaran Beras (Tan/Metrik)
2008	37,448	133,135	83,875
2009	40,353	131,709	82,977
2010	42,496	135,800	85,428
2011	43,331	132,243	83,313
2012	44,902	126,774	79,868
2013	38,614	116,079	73,130
2014	41,387	140,226	88,342
2015	38,687	119,571	75,330
2016	52,062	213,220	134,328
2017	56,107	237,412	149,570
2018	60,586	265,000	166,950

Sumber: Diubah suai daripada Jabatan Pertanian Sabah dan IADA Kota Belud (2018)

Kementerian Pertanian Industri Asas Tani telah menubuhkan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) di Kota Belud pada tahun 2015. Penubuhan IADA merupakan strategi kerajaan untuk mengukuhkan industri padi dan beras negara bagi mencapai objektif Dasar Agromakanan Negara 2011–2020. Oleh itu, IADA berperanan mengurus dan mengawal selia semua jelapang padi bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi dan beras di daerah Kota Belud. Antara objektif penubuhan IADA adalah meningkatkan purata hasil pengeluaran padi pada tahap 6.5 tan metrik sehektar semusim bermula tahun 2010 (MOA, 2018b).

Bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM 364, 100, 000.000 untuk membangunkan infrastruktur pengairan dan saliran jelapang padi Kota Belud (rujuk Jadual 3). Menurut Pengarah IADA Kota Belud, Puan Salmah Labulla, kesemua projek pembangunan jelapang padi ini dipertanggungjawabkan kepada IADA Kota Belud untuk mengendalikannya, merancang dan memantau pelaksanaan projek tersebut. Langkah pembangunan infrastruktur ini adalah inisiatif kerajaan untuk mencapai matlamat meningkatkan hasil pengeluaran bagi kawasan

jelapang padi Kota Belud seluas 5,000 hektar menjelang tahun 2020 (Mohd Shafie, 2018). Jadual 3 menunjukkan senarai peruntukan pembangunan infrastruktur jelapang padi daerah Kota Belud dalam Rancangan Malaysia ke-11 (2016-2020).

Jadual 3 Senarai peruntukan pembangunan infrastruktur jelapang padi daerah Kota Belud dalam Rancangan Malaysia ke-11 (2016–2020)

Pakej	Nama Projek	Kos Projek (RM)
1C (1)	Pembinaan tali air sekunder dan kerja-kerja berkaitan bagi kawasan sawah padi Jawi-jawi dan Tempasuk Utara	33,000,000.00
1C (2)	Pembinaan saluran paip pengairan dari kawasan sawah padi Sangkir ke Marabau	42,600,000.00
1C (3)–1C(3A)	Projek khas -Menaik taraf dan pembaharuan pengangkutan, dan tali air utama dan sekunder bagi kawasan skim pengairan Tempasuk Utara	44,100,000.00
1C (4)–1C (4C)	Projek khas -Pembinaan tali air utama dari kawasan sawah padi Tempasuk hingga Kesapang	44,300,000.00
1C (4)–1C (4A & 4B)	Projek khas -Pembinaan ban banjir dan jalan ladang bagi kawasan Sungai Kesapang dan Sungai Jepun	15,200,000.00
1C (4)–1C (4C)	Membekalkan dan memasang pam di Sungai Jepun	3,800,000.00
1C (4)–1C (4D)	Pembinaan ban banjir bagi kawasan sawah padi Marabau	37,500,000.00
1C (5)	Menaik taraf dan memperbaharui pengangkutan, dan tali air utama dan sekunder bagi kawasan sawah padi Marabau	29,000,000.00
1D (1)	Menaik taraf sistem pengairan dan saluran kawasan sawah padi Skim Tempasuk Selatan	18,600,000.00
1E (1) & 1E (2)	Membaiki dan menaik taraf <i>headworks canal</i> di Piasau Dundau dan pembinaan terusan pengangkutan dari Sungai Kadamaian hingga Sungai Waru	26,200,000.00
2B (1)	Pembangunan kompleks pejabat IADA Kota Belud	50,900.00
JUMLAH		346,100,000.00

Sumber: IADA Kota Belud (2018)

Berdasarkan senarai peruntukan pembangunan infrastruktur Jelapang padi Kota Belud, projek pakej 1C (4A dan 4B), iaitu pembinaan ban banjir dan jalan ladang bagi kawasan Sungai Kesapang dan Sungai Jepun telah siap dilaksanakan di bawah kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Jabatan Pengairan dan Saliran dan IADA. Menurut pegawai pertanian IADA Kota Belud, Encik Mohd Shaahairul, projek ini telah mula dilaksanakan pada 19 Oktober 2015 dan siap sepenuhnya pada 21 Ogos 2017 dengan peruntukan sebanyak RM 15, 200, 000.000.

Kerajaan Negeri Sabah juga telah memperuntukkan sebanyak RM 8.05 juta untuk menaik taraf infrastruktur pengairan dan saliran kawasan yang aktif dengan penanaman padi, iaitu daerah Kota Belud, Tambunan, Beluran dan Kota Marudu. Menurut Encik Asrin Abdullah, seorang pesawah di Kota Belud mengatakan pengiktirafan infrastruktur pengairan dan saliran di kawasan sawah padi kategori satu, iaitu kawasan Tempasuk dan Taun Gusi telah membantu petani untuk menjalankan aktiviti penanaman padi sebanyak dua kali dalam setahun. Bagi memudahkan para petani mendapatkan bekalan benih padi, Kerajaan Negeri Sabah juga telah membina tiga buah loji pengeluaran padi bermutu tinggi yang terletak di daerah Kota Belud, Kimanis dan Tenom (Musa, 2016).

Pada tahun 2018, Kerajaan Negeri Sabah telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM 14.5 juta dari bajet perbekalan untuk menyelenggara dan mengendalikan kesemua skim pengairan dan saliran kawasan sawah padi seluruh Sabah. RM4.9 juta lagi disediakan di bawah bajet pembangunan untuk memperbaiki sistem saliran, pengairan dan saliran sawah padi. Pada tahun 2018 juga, Kerajaan Negeri Sabah memperuntukkan sebanyak RM 17 juta untuk bantuan subsidi pembajakan sawah padi kepada para petani di seluruh negeri termasuk petani daerah Kota Belud (Musa, 2017).

Pada tahun 2019, pembangunan sektor pertanian padi turut diberi keutamaan dalam peruntukan bajet negeri. Dalam peruntukan bajet pada tahun tersebut, Kerajaan Negeri Sabah memperuntukkan sekitar RM 3.01 juta bagi menyediakan infrastruktur pengairan dan saliran, perparitan, pembaikan kecil sawah-sawah di daerah Kota Belud dan Kuala Penyu. Selain itu, kerajaan juga menyediakan sebanyak RM 16.5 juta untuk tujuan memberikan subsidi

pembajakan sawah dengan menyasarkan seramai 37 281 pesawah di 21 daerah di seluruh Sabah termasuk daerah Kota Belud (Mohd Shafie, 2018).

PERBINCANGAN

Berdasarkan pengkategorian sawah padi kepada tiga kategori iaitu K1, K2 dan K3 oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, keluasan kawasan sawah padi yang mempunyai infrastruktur pengairan dan saliran dan kawasan yang hanya mengharapkan air hujan dapat dikenal pasti. Situasi ini menunjukkan bahawa usaha kerajaan bagi mencari penyelesaian dalam mengurangkan kadar kebergantungan terhadap import beras dengan memfokuskan pengagihan pembangunan kawasan sawah padi secara sama rata bagi mengoptimumkan hasil pengeluaran padi.

Penubuhan IADA sebagai unit khas yang berperanan dalam pengurusan jelapang padi Kota Belud, menunjukkan bahawa kerajaan sangat komited terhadap pembangunan sektor pertanian padi. Pengoperasian IADA sebagai unit khas yang merancang, mengawal dan memantau pembangunan jelapang padi Kota Belud telah melicinkan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang digariskan dalam peruntukan bajet negeri. Hal ini demikian kerana IADA bertanggungjawab dalam menyediakan kemudahan infrastruktur pertanian dan khidmat-khidmat sokongan yang berkaitan.

Peruntukan perbelanjaan pembangunan jelapang padi Kota Belud sebanyak RM 340.0 juta menunjukkan usaha kerajaan untuk mencapai matlamat meningkatkan hasil pengeluaran jelapang padi Kota Belud menjelang tahun 2020. Oleh itu, perbelanjaan ini juga memperlihatkan komitmen kerajaan untuk menaik taraf kawasan sawah padi yang dikategorikan kepada kategori dua dan kategori tiga, iaitu menaik taraf kawasan yang hanya dapat ditanam sekali dalam setahun kepada kategori satu, iaitu kawasan yang dapat ditanam dua kali dalam setahun.

Selain itu, dalam pembentangan bajet negeri Sabah pada 2016, sebanyak RM 8.05 juta diperuntukkan untuk menaik taraf infrastruktur pengairan dan saliran kawasan yang aktif dengan penanaman padi, iaitu daerah Kota Belud, Tambunan, Beluran dan Kota Marudu (Musa Aman, 2016). Penyediaan

peruntukan ini memperlihatkan bahawa Kerajaan Negeri Sabah menyokong pembangunan kawasan jelapang padi di negeri ini. Di samping mencapai matlamat mengurangkan import beras, kerajaan juga berhasrat meningkatkan pendapatan para petani dengan membelanjakan sebanyak RM 17 juta pada tahun 2017 untuk memberi bantuan subsidi pembajakan sawah padi kepada para petani agar para petani dapat meneruskan aktiviti penanaman padi. Selain itu, kerajaan juga membelanjakan RM 19.4 juta untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan memperbaiki sistem saliran dan saliran di seluruh Sabah.

Kerajaan negeri juga telah memperuntukkan RM 3.01 juta untuk penyediaan infrastruktur pengairan dan saliran di kawasan jelapang padi Kota Belud dan RM 16.5 juta subsidi pembajakan sawah untuk membantu para petani. Penekanan kerajaan terhadap pembangunan kawasan jelapang padi Kota Belud telah menjadikan Kota Belud sebagai pengeluar beras bagi negeri Sabah. Peningkatan hasil pengeluaran padi Sabah pada tahun 2008, iaitu sebanyak 133,135 juta/tan metrik kepada 265,000 juta/tan metrik pada tahun 2018 turut meningkatkan hasil pengeluaran beras bagi negeri Sabah, iaitu 83,875 juta tan metrik pada tahun 2008 kepada 166,950 juta/tan metrik pada tahun 2018. Peningkatan hasil pengeluaran padi dan beras ini merupakan pencapaian kerajaan untuk mencapai matlamat Dasar Agromakanan Negara 2011–2020 untuk menjamin keselamatan makanan negara secara am dan negeri khususnya.

KESIMPULAN

Peranan kerajaan amat penting dalam pembangunan sektor pertanian bagi memastikan jaminan terhadap keselamatan makanan. Walaupun terdapat kelemahan dalam setiap perancangan, tumpuan kerajaan terhadap pembangunan sektor pertanian selepas krisis bekalan makanan 2008 telah memberi kesedaran akan kepentingan terhadap sektor pertanian untuk memastikan bekalan makanan mencukupi dan seimbang dengan pertumbuhan penduduk. Langkah pengkategorian sawah padi kepada tiga kategori, iaitu K1, K2 dan K3 telah menjadi panduan kepada bahagian pengurusan jelapang padi Kota Belud untuk mencari solusi terbaik bagi mengurangkan pengimportan beras. Dalam pada itu, kerajaan juga telah memperuntukkan

sebanyak RM 340.0 juta dalam Rancangan Malaysia ke-11 untuk memajukan jelapang padi Kota Belud. Bajet negeri Sabah 2017 hingga 2019 juga memperuntukkan perbelanjaan untuk menyediakan dan menyelenggarakan sistem pengairan dan saliran, pemberian subsidi pembajakan sawah, baja dan pemberian benih padi kepada petani merupakan usaha kerajaan untuk memajukan jelapang padi Kota Belud mencapai matlamat yang digariskan dalam tempoh Dasar Agromakanan Negara 2011–2020, iaitu memastikan jaminan terhadap kecukupan bekalan beras. Tumpuan kerajaan terhadap pembangunan jelapang padi di Kota Belud ini telah menjadikan Kota Belud sebagai salah satu penyumbang kepada peningkatan hasil pengeluaran padi dan beras dari tahun 2008 hingga 2018.

RUJUKAN

- Ahmad Zubir & Chamhuri Siwar. (2012). Kawasan Pengairan Muda: merentasi masa menyangga keselamatan makanan negara. *Jurnal Pengurusan Awam*, 9(2), 69-90.
- Bakri Mat, Zarina Othman & Rashila Ramli. (2013). Isu dan cabaran pelaksanaan Dasar Sekuriti Makanan di Malaysia, 1981-2012. *Jurnal Kinabalu*, 19, 29–52.
- Clapp, J., & Cohen, M. J. (pnyt). (2009). *The global food crisis: Governance challenges and opportunities*. Waterloo, Canada: Wilfrid Laurier University Press.
- Dayang Suria Mulia. (2017). Survival strategies of single mothers among indigenous ethnics in rural areas: Case study in Kota Belud, Sabah. *Jurnal Kinabalu*, 23, 43–63.
- Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO). (2008a). *An introduction to the basic concepts of Food Security*. EC-FAO Food Security Programme.
- Food and Agriculture of the United Nations (FAO). (2008b). *The state of food insecurity in the world 2008: High food price and Food Security-Threats and opportunities*. Rome, Italy: Food and Agriculture Organization of the United Nations.
- Integrated Agricultural Development Area (IADA) Kota Belud. (2018). *Cadangan perancangan pembangunan dan struktur organisasi IADA Kota Belud* (Slaid PowerPoint). Pejabat IADA Kota Belud.

- Jabatan Pertanian Negeri Sabah 2017. (2017). Program Seksyen Perancangan. Diakses daripada [https://www.google.com/url?sa=t&source=web&rct=j&url=http://ww2.sabah.gov.my/tani/Laporan_tahunan/LAPORAN%2520TAHUNAN%25202017/\(5\)%2520PERANCANGAN.f&ved=2ahUKEwi62aqseXnAhVLyDgGHcd0DKMQFjABegQIBBAH&usg=AOvVaw3GPY7bpXSyaoYKL1Qo7Gs-](https://www.google.com/url?sa=t&source=web&rct=j&url=http://ww2.sabah.gov.my/tani/Laporan_tahunan/LAPORAN%2520TAHUNAN%25202017/(5)%2520PERANCANGAN.f&ved=2ahUKEwi62aqseXnAhVLyDgGHcd0DKMQFjABegQIBBAH&usg=AOvVaw3GPY7bpXSyaoYKL1Qo7Gs-). Pada 10 Oktober 2018.
- Janie Tating, Mohd Sabrie Salim & Ag. Maslee Ag. Anak. (2017). Potensi pengeluaran padi premium di Sabah (Slaid PowerPoint). Diakses daripada [http://padi.mardi.gov.my/dokumen/slide/L8%20POTENSI%20PENGELUARAN%20PADI%20PREMIUM%20DI%20SABAH_Janie%20Tating%20\(DOA%20SABAH\).pdf](http://padi.mardi.gov.my/dokumen/slide/L8%20POTENSI%20PENGELUARAN%20PADI%20PREMIUM%20DI%20SABAH_Janie%20Tating%20(DOA%20SABAH).pdf). pada 10 Oktober 2018.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. *Kursus penyelidikan kualitatif Siri 1 2012* (2012).
- Ministry of Agriculture and Agro-based Industry (MOA). (2011). *Dasar Agromakanan Negara 2011-2020*. Putrajaya: Kementerian Industri Dan Asas Tani Malaysia.
- Ministry of Agriculture and Agro-based Industry (MOA). (2018a). *Perangkaan Agromakanan 2018*. Putrajaya, Kuala Lumpur: Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Malaysia.
- Ministry of Agriculture and Agro-based Industry (MOA). (2018b). Kawasan Pertanian Bersepadu (IADA). Diakses daripada <https://www.moa.gov.my/iada>. pada 10 Oktober 2018.
- Mohamad Haziq Ikhsan Mohd Rudzainoor, Zaini Othman, Eko Prayitno Joko & Jasmi Mohd Nasier. (2018). Memikir ulang persoalan politik pembangunan dalam PRU-14: Kajian kes P. 169 Kota Belud. *Jurnal Kinabalu, Keluaran Khas PRU14*, 1–25.
- Mohd Borhanuddin Zakaria, Amir Husin Mohd Nor, Moor Lizza Mohamed Said, Md. Yazid Ahmad & Juairiah Hassan. (2017). Dasar Pertanian Negara Ketiga (Dpn3) & Dasar Agromakanan Negara (Dan): Analisis terhadap makanan asasi beras dan padi menurut Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 14, 32–49.
- Mohd Shafie. (2018). *Ucapan Bajet 2019 oleh Y.A.B Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie Bin Haji Apdal, Ketua Menteri Kewangan Sabah*. Diakses daripada <https://sabah.gov.my/cms/sites/default/files/BudgetSpeech/UCAPAN%20BAJET%202019.pdf>. pada 1 Mac 2019.
- Musa Haji Aman. (2016). *Ucapan Bajet 2017 oleh Y.A.B Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, Ketua Menteri Kewangan Sabah*. Diakses daripada <http://www.sabah.gov.my/cms/sites/default/files/BudgetSpeech/2017UcapanBajetNegeri.pdf>. pada 1 Mac 2019.
- Musa Haji Aman. (2017). *Ucapan Bajet 2018 oleh Y.A.B Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, Ketua Menteri Kewangan Sabah*. Diakses daripada <http://sabah.gov.my/cms/sites/default/files/BudgetSpeech/Text%20Ucapan%20Bajet%20Negeri%202018.pdf>. pada 1 Mac 2019.

- Noorfazreen Mohd Aris & Asmak Ab Rahman. (2010). Pelaksanaan Dasar Sekuriti Makanan di Malaysia: Kajian dari perspektif ekonomi Islam. *Prosiding PERKEM V*, 2, 357–367.
- Radin Firdaus, Chamhuri Siwar & Hamid Jaafar. (2015). Pasca krisis makanan 2008: Implikasi penggantungan terhadap beras import. *Jurnal Kemanusiaan*, 24(3), 28–39.
- Romatia Chinkeruan & Norshamliza Chamhuri. (2018). Mengesan Dasar Jaminan Bekalan Makanan menggunakan Supply Utilization Accounts: Pengalaman Malaysia dan Filipina. *International Journal of Agriculture, Forestry and Plantation*, 6, 18–26.
- Sabitha Marican. (2005). *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Petaling Jaya, Selangor: Prentice Hall.
- Saidatul Nornis Mahali. (1999). Mantera: Satu penelitian awal di kalangan petani Bajau. *Jurnal Kinabalu*, 5, 51–82.
- Sarena Che Omar, Ashraf Shaharudin & Siti Aiysyah Tumin. (2019). *The status of paddy and rice industry in Malaysia*. Kuala Lumpur: Khazanah Research Institute.
- Sundaram, J.K. (2014). Tackling the nutrition challenge: A food system approach. *Society for International Development*, 57(2), 141–146.
- Wawancara bersama Encik Asrin Abdullah, 2 Februari 2019, Kampung Kawa-Kawa, Kota Belud, Sabah.
- Wawancara bersama Encik Mohd Shaahairul, 3 Januari 2019, Pejabat IADA Kota Belud, Sabah.
- Wawancara bersama Puan Salmah Labulla, 3 Januari 2019, Pejabat IADA Kota Belud, Sabah.
- Zahrul Akmal Damin. (2016). *Dasar kerajaan dan isu sekuriti makanan di Malaysia: Kajian Analisis dokumen dan temu bual*. Tesis Doktor Falsafah (tidak diterbitkan). Universiti Utara Malaysia, Kota Kinabalu: Diakses daripada <http://eprints.uthm.edu.my/>. pada 10 Oktober 2018.

